
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2004/2005

Mei 2005

JTP 357 – PENGURUSAN ANTARABANGSA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.


Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Nike, Inc.

Nike, Inc. merupakan sebuah organisasi yang mengeluarkan pelbagai jenis kasut untuk kegunaan sukan. Dari sumber AFP/Nike (Gambar 1), Nike berusaha untuk meningkatkan imej barangan dan organisasi di mata pengguna. Malah didapati sejumlah 457 pengilang jenama Nike di seluruh dunia yang mengeluarkan barangan sukan melalui kebenaran menggunakan logo Nike. Negara asing yang paling banyak mendapat kontrak pengilangan barangan Nike ialah China (124 syarikat). Ini diikuti pula oleh 73 di Thailand, 39 di Indonesia, 35 di Korea Selatan, 34 di Vietnam, 33 di Malaysia, 25 di Sri Lanka, 22 di Jepun, dan 19 di Taiwan. Manakala dari negara seperti Macau, Hong Kong, Filipina, Singapura, Fiji, New Zealand, Australia, dan Bangladesh turut menyumbang kepada pengilangan barangan sukan Nike.

Gambar 1: Nike Berusaha Tingkatkan Imej
(Harian Metro, Khamis, 21 April 2005)



Ekoran dari penglibatan Nike dengan pelbagai pengilang secara kontrak dan/atau berlesen, pengurusan Nike akan memastikan semuanya berjalan dengan lancar dan menepati apa yang dikehendaki oleh pengguna.

Sebagai salah seorang dari pembuat keputusan di dalam lembaga pengarah Nike, berikan jawapan anda kepada soalan-soalan yang berikut:

Soalan 1

Terangkan tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh pengurusan Nike bagi memastikan organisasi tersebut menambahbaik prestasi yang sediaada.

[30 markah]

Soalan 2

Bincangkan dimensi budaya bagi mengatasi masalah kepelbagaian budaya kerja bagi memastikan hasil barangan Nike adalah sama dimata pengguna.

[30 markah]

Soalan 3

Memandangkan hampir 500 syarikat asing yang mengeluarkan barangan Nike, bicangkan bentuk komunikasi yang boleh digunakan dalam menyampaikan maklumat Ibu Pejabat kepada pengurusan syarikat pengeluar di negara asing. Nyatakan juga halangan-halangan komunikasi yang mungkin berlaku di antara Ibu Pejabat dengan pengurusan di syarikat asing.

[40 markah]